



**PRESS RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

***Dialogue to Promote compliance with the Competition Order at the Anggerek Desa Technology Park Community***

---

Date: 3 April 2019

More than 20 business representatives from the Anggerek Desa Technology Park Community (ADTP) gathered yesterday in a Dialogue session with the Department of Competition and Consumer Affairs (DCCA) of the Department of Economic Planning and Development (JPKE), Ministry of Finance and Economy, to learn more about the risks of anti-competitive practices prohibited by the Competition Order, in an effort to promote compliance with the Order.

The Department of Competition and Consumer Affairs commended on the proactive initiative led by the Dynamik Technologies Sdn Bhd in organising the Dialogue session, which is in line with the Department's on-going effort to promote business compliance before the Order is enforced.

Present during the Dialogue was the Chairman of the Competition Commission of Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

In the opening of the Dialogue, Awang Mohamad Hasnalluddin bin Haji Yahya, Legal Adviser, Dynamik Technologies Sdn Bhd, emphasised the importance for the IT business Community to learn more about the key anti-competitive conducts prohibited by the competition law, to ensure business plans and commercial strategies are not violating the Order, to ensure compliance, in creating a fair and healthy market in Brunei Darussalam.

The Acting Director of the Department of Competition and Consumer Affairs began the session by highlighting that businesses adherence to the Competition Order contribute to markets operating fairly, innovation, productivity and to overall and sustainable business growth and competitiveness, which will in turn bring about benefits to consumers and the economy.

The Dialogue discussed on various forms of cartels, which are categorised as serious offences which are per se illegal. These cartels activities exist when businesses agree to act together instead of competing against one another. The four key per se illegal cartels are collusive tendering, price fixing, controlling market and limiting supply of goods to create artificial shortage. By controlling markets and restricting goods and services, cartels can put honest and well-run companies out of business while suppressing innovation and protecting their own inefficient members. This will potentially lead to a harmful impact on the market, economy and the consumer welfare in the long-run. Businesses are therefore advised to protect themselves from unfair and unethical business conducts for their business survival and growth.

The session highlighted on the need for businesses to compete independently against one another in tender process. Collusive tendering or bid rigging is one of the key serious anti-competitive conducts and it has different forms including bid suppression, complementary bidding, and bid rotation.

The session also discussed on the leniency provision in the Order, one of the tools to gather evidence in detecting cartels. This Provision provides immunity or protection from the Order for the first party who notifies the competition authority of the cartel conduct, provided that the member also meets all other requirements of the leniency programme. The procedures and requirements will be published in the guidelines.

The Chairman of the Competition Commission of Brunei Darussalam concluded the Dialogue by encouraging businesses to conduct their activities in a fair and ethical manner for the benefit of their business growth. By nurturing healthy competition, businesses can grow by competing on a level playing field to offer more choices, better quality products and services at better prices for consumers, including the government and other businesses.

The Competition Commission of Brunei Darussalam was established on the 1 August 2017, as an independent body that is mandated to promote business competition in Brunei Darussalam economic landscape through the enforcement of the Competition Order 2015. The Department of Competition and Consumer Affairs was established on

the same day as the secretariat, administrative and investigative arms of the Competition Commission.

For any inquiries and request for briefings on the Competition Order 2015, please contact the Department of Competition and Consumer Affairs in the Department of Economic Planning and Development, Ministry of Finance and Economy through email at [brunei.competition@jpke.gov.bn](mailto:brunei.competition@jpke.gov.bn) or call 2233344 extension 341 or 643.



## **SIARAN MEDIA**

### **JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI**

### **KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

***Dialog bagi menggalakkan pematuhan terhadap Perintah Persaingan bersama Komuniti Anggerek Desa Technology Park***

---

Tarikh: 3 April 2019

Lebih daripada 20 wakil perniagaan dari Komuniti Anggerek Desa Technology Park (ADTP) telah berkumpul dalam sesi Dialog bersama Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai risiko amalan anti-persaingan yang dilarang di bawah Perintah Persaingan, dalam usaha bagi menggalakkan pematuhan terhadap Perintah berkenaan.

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna memberi pujian kepada Dynamik Technologies Sdn Bhd di atas inisiatif yang proaktif dalam mengetuai dan seterusnya menganjurkan sesi Dialog berkenaan, yang mana adalah sejajar dengan usaha berterusan Jabatan untuk menggalakkan pematuhan terhadap Perintah Persaingan sebelum Perintah tersebut dikuatkuasakan.

Hadir pada sesi Dialog berkenaan adalah Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Dalam pembukaan sesi Dialog, Awang Mohamad Hasnalluddin bin Haji Yahya, Penasihat Undang-Undang, Dynamik Technologies Sdn Bhd, menekankan kepentingan bagi komuniti perniagaan teknologi maklumat untuk mempelajari dengan lebih lanjut mengenai amalan-amalan utama anti-persaingan yang dilarang di bawah perundangan persaingan bagi memastikan rancangan perniagaan dan strategi komersial tidak bercanggah dengan Perintah Persaingan dan seterusnya memastikan pematuhan terhadap Perintah berkenaan ke arah membina pasaran perniagaan yang adil dan sihat di Negara Brunei Darussalam.

Pemangku Pengarah Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna memulakan sesi Dialog dengan menekankan bahawa kepatuhan peniaga terhadap Perintah Persaingan menyumbang dalam melahirkan pasaran yang adil, inovatif, produktif dan pertumbuhan perniagaan yang mampan dan berdaya saing secara keseluruhan, yang seterusnya akan memberi manfaat kepada pengguna dan ekonomi.

Sesi Dialog membincangkan mengenai jenis-jenis kartel (perjanjian anti-persaingan) yang dikategorikan sebagai kesalahan-kesalahan serius yang dilarang sama sekali. Aktiviti kartel berlaku apabila peniaga bersetuju untuk tidak bersaing sesama sendiri dan sebaliknya berkerjasama melaksanakan perjanjian anti-persaingan. Empat jenis kartel yang dilarang adalah kolusif tender, penetapan harga, pembahagian pasaran dan pengawalan bekalan barang yang bertujuan untuk mewujudkan kekurangan bekalan di dalam pasaran. Dengan mengawal pasaran dan menghadkan barang serta perkhidmatan, kartel berpotensi untuk menyingkirkan para peniaga yang melaksanakan perniagaan secara adil dan jujur, daripada pasaran. Kartel juga berpotensi untuk menyekat perkembangan inovasi dan seterusnya melindungi para peniaga yang tidak cekap agar kekal di dalam pasaran. Ini akan memberi kesan buruk terhadap pasaran, ekonomi dan kebajikan pengguna dalam jangka panjang. Oleh itu, para peniaga dinasihatkan untuk melindungi perniagaan mereka daripada terlibat dalam amalan yang tidak adil dan tidak beretika bagi mengekalkan dan memperkembangkan perniagaan masing-masing.

Sesi Dialog turut memberi penekanan kepada keperluan bagi peniaga untuk bersaing secara bebas sesama sendiri di dalam proses tawaran tender. Kolusif tender atau penipuan bidaan adalah salah satu amalan anti-persaingan yang serius dan ia mempunyai pelbagai jenis termasuk bidaan yang menindas (*bid suppression*), bidaan yang melengkapi (*complementary bidding*), dan bidaan secara bergilir (*bid rotation*).

Juga dibincangkan di dalam sesi Dialog adalah mengenai peruntukan *Leniency Program* di bawah Perintah Persaingan, yang merupakan salah satu alat bagi mendapatkan bukti untuk mengesan kartel. Peruntukan ini memberi imuniti atau perlindungan dari Perintah Persaingan kepada pihak yang pertama memaklumkan autoriti persaingan mengenai amalan kartel, dengan syarat, pihak berkenaan memenuhi keperluan *Leniency Program*. Prosedur dan keperluan yang berkenaan akan diterbitkan dalam bentuk garispanduan.

Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam mengakhiri sesi Dialog dengan menggalakkan para peniaga untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara adil dan beretika demi kepentingan pertumbuhan perniagaan masing-masing. Dengan memupuk persekitaran perniagaan yang kompetitif dan sihat, perniagaan boleh berkembang

dengan bersaing secara “*level playing field*” bagi menawarkan lebih banyak pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang kompetitif untuk pengguna, termasuk kerajaan dan para peniaga lainnya.

Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam ditubuhkan pada 1 Ogos 2017, sebagai sebuah badan bebas yang dimandatkan untuk mempromosi persaingan perniagaan di Negara Brunei Darussalam melalui penguatkuasaan Perintah Persaingan 2015. Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna ditubuhkan pada tarikh yang sama dengan peranan selaku sekretariat, di samping melaksanakan kerja-kerja pentadbiran dan penyiasatan bagi Suruhanjaya Persaingan.

Sebarang pertanyaan dan permintaan bagi taklimat mengenai Perintah Persaingan 2015, sila hubungi Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui e-mel [brunei.competition@jpke.gov.bn](mailto:brunei.competition@jpke.gov.bn) atau hubungi 2233344 ext 341 atau 643.